



PERBADANAN KEMAJUAN EKONOMI NEGERI PERLIS (PKENPs)

POLISI ADUAN INTEGRITI

PENYATAAN POLISI

Selaras dengan Tatacara Pelaksanaan Fungsi Pengurusan Aduan, PKENPs telah mewujudkan Polisi Aduan Integriti yang bertujuan untuk mendorong anggotakerja PKENPs atau orang awam bagi melaporkan sebarang aduan berkaitan pelanggaran integriti.

Bagi memenuhi keperluan polisi ini, PKENPs telah mewujudkan Saluran Aduan Integriti sebagai saluran untuk warga PKENPs dan orang awam membuat aduan integriti berkaitan perlakuan jenayah rasuah, penyelewengan, salah guna kuasa atau pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi.

OBJEKTIF POLISI

1. Polisi ini bertujuan untuk memberi ruang kepada anggotakerja PKENPs, pihak berkepentingan atau orang awam untuk membuat aduan berkaitan pelanggaran integriti yang merangkumi salah laku jenayah rasuah, salah guna kuasa, penyelewengan serta pelanggaran tatakelakuan dan etika agensi.
2. Polisi ini menerangkan tentang hak dan tanggungjawab serta perlindungan kepada pemberi maklumat.

SKOP POLISI

Polisi ini terpakai kepada:

1. Semua anggotakerja PKENPs, yang merangkumi Ahli Lembaga Pengarah, Jawatankuasa yang dilantik, Pengurusan PKENPs serta Pegawai-Pegawai PKENPs;
2. Semua pembekal, kontraktor atau pihak berkepentingan yang sedang atau akan berurusan dengan PKENPs;
3. Pelanggan PKENPs; dan
4. Orang Awam;

Polisi ini merangkumi kesalahan seperti berikut:

1. Salah guna kuasa;
2. Rasuah (Memberi/ Menerima/Menawar/Meminta);

3. Tidak patuh waktu kerja;
4. Penyalahgunaan dadah;
5. Keluar negara tanpa kebenaran;
6. Pengurusan kewangan yang tidak cekap
7. Tidak jujur/Tidak Amanah/Tidak Bertanggungjawab;
8. Membuat tuntutan palsu;
9. Pembocoran/Penyalahgunaan Rahsia Kerajaan/Maklumat Terperingkat;
10. Penyelewengan harta kerajaan bagi tujuan peribadi.

POLISI

Siasatan

Sebarang aduan yang dilaporkan melalui saluran yang disediakan akan disiasat dengan telus dan adil berdasarkan Prosedur Pengurusan Aduan Integriti

Jaminan Perlindungan Pemberi Maklumat

Pemberi maklumat dilindungi berdasarkan peruntukkan yang terdapat di dalam Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711) iaitu:-

1. Melindungi maklumat sulit;
2. Imuniti daripada tindakan sivil dan jenayah; dan
3. Perlindungan terhadap tindakan yang memudaratkan.
4. Memastikan identiti pengadu dirahsiakan di bawah polisi perlindungan pemberi maklumat Agensi atau Jabatan masing-masing; atau
5. Merujuk terus pengadu kepada mana-mana Agensi Penguatkuasa yang dinyatakan di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711).

Jaminan Kerahsiaan Maklumat

Hanya Pengerusi Jawatankuasa Menilai Maklumat (JMM) atau Pegawai Unit Integriti dan pegawai yang menjalankan siasatan (Pegawai Penyiasat) sahaja yang dibenarkan untuk mempunyai akses kepada segala maklumat peribadi dan butiran aduan yang dikemukakan.

SALURAN ADUAN INTEGRITI

Jika terdapat sebarang perbuatan yang menyalahi integriti yang melibatkan anggotakerja PKENPs laporan boleh disampaikan kepada Pegawai Integriti PKENPs melalui kaedah-kaedah berikut:

1. Berjumpa dengan Pegawai Integriti; atau
2. Hubungi 04-9761088/037/381; atau
3. E-mel ke integriti.PKENPs@gmail.com; atau
4. Salurkan Aduan Ke Peti Aduan Salah Laku Integriti; atau
5. Surat Aduan ke alamat berikut:

Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis

NO.173-191, Taman Kemajuan,

Jalan Raja Syed Alwi,

01000 KANGAR,

PERLIS.

(U/P : Unit Integriti)

TUAN MOHD SHUKRI BIN RAMLI

PENGERUSI

PERBADANAN KEMAJUAN EKONOMI NEGERI PERLIS (PKENPs)

31 DISEMBER 2022

